

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 17/07/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 34

Tajuk : ANGKASA peruntuk RM21j pinjaman pendidikan

## Angkasa peruntuk RM21j pinjaman pendidikan

**BENTONG** - Yayasan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) sudah menyalurkan peruntukan kira-kira RM21 juta pinjaman pendidikan kepada 1,050 pelajar bermula pada 2000 hingga 2020.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, setiap tahun yayasan itu memperuntukkan secara purata RM1 juta setahun bagi membiayai pinjaman pendidikan membabitkan 100 pelajar yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) dalam negara.

Menurutnya bagi sesi 2020, yayasan tersebut menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM500,000 sekali gus menjadikan jumlahnya

RM1.5 juta tahun depan dengan penambahan 50 pelajar.

"Ia telah diluluskan pada Persidangan Kebangsaan ke-34 baru-baru ini dan bersetuju penambahan peruntukan sebanyak RM500,000 terbabit.

"Tambahan peruntukan turut disediakan dalam bentuk zakat Angkasa kepada pelajar daripada kalangan keluarga berpendapatan rendah dan berjaya memberi manfaat kepada 150 pelajar," katanya pada sidang akhbar selepas majlis makan malam sempena Program Motivasi bersama 80 peserta terdiri pelajar yang pembiayaan pendidikan yayasan tersebut di sebuah resort di Janda Baik kelmarin.



Abdul Fattah (berdiri, tengah) bersama pelajar pembiayaan Pendidikan Yayasan Angkasa yang terlibat dalam program tersebut.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA